

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS RIADAH MINGGU SUAI MESRA  
2017/2018**

**7 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS) | 8:00 MALAM  
KOMPLEKS SUKAN UMS**

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan  
Salam Negaraku Sehati Sejiwa

## **Salutasi**

Yang Berusaha Profesor Dr. Ismail bin Ali  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan  
Alumni

Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti

Yang Berusaha En. Ahmadi bin Hj. Nurdin  
Pengarah MSM Sesi 2017/2018

Majlis Perwakilan Pelajar UMS

Barisan Jawatankuasa Pelaksana Minggu Suai  
Mesra 2017/2018

Siswa siswi baharu UMS dan Hadirin Hadirat yang  
dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah-Nya, kita dapat bersama-sama pada malam ini bagi menjayakan aktiviti riadah sempena Minggu Suai Mesra Sesi 2017/2018. Aktiviti seperti ini amat berguna dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Pada malam ini, siswa siswi baharu bersama-sama warga UMS dapat menikmati udara segar di stadium UMS, sambil beriadah agar tubuh badan lebih cergas setelah penat melalui program MSM yang padat. Sesungguhnya, badan yang cergas dan sihat akan menjadikan minda kita lebih cerdas.

## **Siswa siswi yang dikasihi sekalian,**

Pihak pengurusan Universiti sentiasa menyokong dan menggalakkan warga UMS untuk bersukan mahupun beriadah. Bersenam ataupun melakukan aktiviti fizikal dapat mengeluarkan peluh dan meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan.

Malah, dengan bersukan dan bersenam, kita dapat mengurangkan risiko terkena penyakit seperti diabetes, kardiovaskular, kencing manis, darah tinggi dan macam-macam lagi.

Siswa siswi juga seharusnya memastikan tubuh badan berada dalam keadaan yang sihat dan cergas agar dapat mengikuti sesi pembelajaran dan pengajian di sepanjang tempoh pengajian di UMS ini dengan lebih baik dan selesa.

Saya percaya, melalui amalan dan membudayakan aktiviti bersukan akan dapat membantu perkembangan minda kita. Selain membantu memberikan kesihatan kepada tubuh badan, amalan bersukan ini juga dapat mengukuhkan keharmonian dan perpaduan yang sedia wujud di UMS ini yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa, agama, budaya dan juga bahasa.



Oleh itu, saya mengharapkan agar amalan bersukan ini dapat dipraktikkan semua warga UMS termasuklah warga baharu kita yang baru sahaja bergelar siswa siswi UMS.

### **Siswa siswi yang dikasihi,**

Aktiviti riadah yang diadakan pada malam ini juga bertujuan menunjukkan fasiliti dan kemudahan sukan yang UMS ada.

Semua kemudahan ini boleh digunakan secara percuma oleh warga UMS. UMS mempunyai padang bola sepak "Artificial Turf", gelanggang berbumbung UMS Arena, gelanggang bola tampar, gelanggang tenis dan lain-lain lagi. Kemudahan yang anda dapat saksikan ini merupakan ruang latihan bagi pelajar 'senior' di UMS yang telah berjaya mengharumkan nama UMS di peringkat kebangsaan dan dunia seperti,

kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Sukan SEA, Sukan Universiti Asean dan Sukan Universiti Dunia.

Pada Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur yang baru sahaja melabuhkan tirai minggu lalu, terdapat beberapa orang pelajar kita yang mewakili Malaysia bagi acara olahraga, ragbi wanita, boling padang dan bola sepak.

Untuk pengetahuan siswa siswi semua, padang yang anda pijak sekarang ini merupakan padang latihan bagi pasukan bola sepak wanita Malaysia. Dan lebih membanggakan UMS ialah ketua jurulatih bagi pasukan bola sepak wanita ini ialah Encik Asyraaf Fong Abdullah, Pengarah Pusat Sukan UMS.

Justeru, pencapaian UMS dalam bidang sukan sememangnya cemerlang sama ada melalui acara individu mahupun berpasukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Oleh itu, adalah menjadi harapan UMS dan saya selaku Naib Canselor, agar anda dapat menggunakan kemudahan yang kita ada untuk berlatih dengan gigih dan mampu menjadi atlet yang cemerlang.

## **Hadirin Hadirat sekalian,**

Adalah menjadi harapan saya agar kehadiran anda semua pada malam ini akan dapat mencetuskan minat dan kesungguhan untuk beriadah dan bersukan. Saya sentiasa menyokong usaha membudayakan bersukan di dalam kampus kerana ia selaras dengan usaha negara untuk bangkit bersama melahirkan 'The Thinking Athlete' dalam kalangan pelajar universiti.

Akhir kata dari saya, budaya bersukan ini boleh dianggap sebagai instrumen penting untuk membina jati diri dan kemahiran diri dalam menghadapi cabaran masa depan selari dengan hasrat UMS dalam sukan iaitu 'Hidup Cergas Warga Kampus Ceria'.

Sekian, wassalamualaikum w.b.t.